

25 SEP 2000

Wanita-Persidangan /I

PERSIDANGAN RSC-AP KEDUA BERMULA ESOK

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Pemandu Serantau Bagi Pembangunan Wanita Di Luar Bandar dan Pulau Rantau Asia Pasifik (RSC-AP) akan bermula di sini esok bertujuan memperkukuhkan usaha membasmi kemiskinan dan memperbaiki kehidupan wanita luar bandar di negara-negara anggota.

Persidangan dua hari itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga akan membincangkan kemajuan pelaksanaan program kredit mikro bagi wanita-wanita di luar bandar.

Negara-negara anggota meminta kerajaan masing-masing untuk melaksanakan program itu di mesyuarat ulungnya di sini pada 1997.

Terdiri daripada isteri ketua-ketua kerajaan, RSC-AP ditubuhkan pada 5 Sept, 1995, dengan objektif utama untuk memantau pelaksanaan pelan tindakan Deklarasi Geneva bagi kemajuan wanita luar bandar.

Pengerusinya Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berkata, dalam persidangan kali ini lebih banyak tumpuan akan diberikan dalam memperbaiki taraf hidup mereka yang termiskin melalui program kredit mikro.

Bagaimanapun, beliau berkata, walaupun program itu dilaksanakan dengan jayanya di kalangan golongan miskin, RSC-AP memerlukan pendekatan berbeza terhadap kemiskinan tegar memandangkan keperluan asas kumpulan ini berbeza dengan keperluan golongan miskin.

Seramai 150 peserta dari 16 negara anggota termasuk Malaysia menyertai mesyuarat ini.

Antara mereka ialah Zohreh Khatami Sadeqi dari Iran, Usha Narayanan dari India, Azadsurengiin Oyunbileg dari Mongolia, Sehba Musharraf dari Pakistan, Roslyn Morauta dari Papua New Guinea dan Thongvanh Siphandone dari Laos.

Mereka yang lain ialah dari Australia, Tonga, Filipina, China, Indonesia, Maldives, Uzbekistan, Krygyzstan dan Kazakhstan yang telah menghantar duta khas masing-masing sebagai wakil mereka.

Sebanyak empat kertas kerja akan dibentangkan dengan Dr Siti Hasmah menyampaikan kertas kerja khas bertajuk "Konflik Bersenjata dan Impak Peperangan Terhadap Wanita" di hari terakhir persidangan.

Selain persidangan dua hari itu, para perwakilan dijadualkan melawat Petronas Twin Tower pada Rabu dan lawatan sambil belajar ke Kampung Kanchoong Darat di Banting, Selangor pada Khamis.

-- BERNAMA

NM RV PR